JUMAAT, 6 NOVEMBER, 1981 — 9 MUHARRAM, 1402 35 SEN KDN 0047/81

# Kurniaan tanah politik dihenti

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia



Oleh MIOR KAMARUL SHAHID

**KUALA LUMPUR, Khamis — Datuk Musa Hitam hari ini mengarahkan Kerajaan Negeri Johor memberhentikan serta merta pengurniaan tanah yang dibuat atas pertimbangan politik.**

**Timbalan Perdana Menteri yang juga Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri berkata, tanah-tanah tersebut juga melibatkan kawasan balak di negeri itu.**

## Arahan Datuk Musa kepada Kerajaan Johor

Bercakap kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Perhubungan UMNO Negeri bagi kali pertama di pejabatnya di sini, Datuk Musa bagaimanapun berkata, tindakan tersebut bukan bermakna pembekuan tanah sebaliknya pengurniaan tanah kepada rakyat diteruskan.

"Saya telah mengarahkan semua pengurniaan tanah persendirian tetapi ada hubungannya dengan aktiviti parti seolah-olah berasaskan politik dihentikan," kata Datuk Musa.

Datuk Musa berkata, beliau meminta Menteri Besar Johor, Tan Sri Othman Saat yang juga Timbalan Pengerusi Perhubungan UMNO Negeri supaya membuat laporan mengenai pentadbiran tanah di negeri itu.

Katanya, laporan yang dikemukakan kepada Jawatankuasa Perhubungan Negeri itu membolehkan mereka bersama meneliti kejayaan yang dicapai dan membantu menyelesaikan masalah.

### Rombakan

Jelasnya, ini bukanlah hendak campur tangan dalam pentadbiran kerajaan negeri tetapi untuk membantu tanggungjawab yang diserahkan oleh rakyat kepada parti.

Perhubungan UMNO Negeri akan mengadakan mesyuaratnya akan datang pada 10 Disember depan di Segamat tetapi laporan Tan Sri Othman Saat akan dikemukakan dalam mesyuarat berikutnya.

Datuk Musa juga mengumumkan, rombakan jawatan-jawatan Perhubungan UMNO Negeri itu akan dilakukan dalam mesyuarat 10 Disember.

Ia melibatkan jawatan Setiausaha Perhubungan, bendahari, ketua penerangan dan jawatan-jawatan tertentu seperti pemegang amanah dan pengerusi biro.

Bagaimanapun, katanya, rombakan tersebut tidak bermakna seseorang itu pasti ditukarkan tetapi beliau akan memutuskan siapa dan jawatan-jawatan mana yang harus dikekalkan.

Katanya, seorang yang berkelayakan dan berkebolehan akan juga dilantik sebagai Setiausaha Kerja UMNO Negeri bagi menjalankan tugas pentadbiran UMNO negeri itu.

Datuk Musa berkata, dalam mesyuarat akan datang, laporan daripada Pergerakan Pemuda dan Wanita UMNO Negeri akan juga dibentangkan untuk diteliti.

Beliau juga mengarahkan tiap-tiap bahagian supaya memberhentikan ramalan atau pendapat mengenai pergolakan politik di negeri itu.

Mereka juga diarah memberhentikan tuntutan berhubung dengan parti, kerajaan ataupun pentadbiran dan menyatakan keburukan seseorang dari segi perlantikan sama ada dalam parti atau kerajaan.

Datuk Musa mengingatkan ketua-ketua bahagian bahawa beliau akan mengambil apa juga tindakan perlu sama ada disiplin parti ataupun undang-undang sekiranya didapati sesuatu yang berlaku atau dilakukan di semua peringkat yang tidak mengikut peraturan dan perlembagaan parti dan undang-undang dari segi pentadbiran kerajaan.

Jelas Datuk Musa lagi, Perhubungan UMNO Negeri Johor akan lebih melibatkan diri dengan pentadbiran berasaskan konsep kerajaan berparti dan dasar-dasar pentadbiran yang diberi oleh parti harus ditentukan oleh parti sendiri.

Beliau jug mengarahkan bahagiar UMNO negeri itu bersiap sedia menghadapi me syuarat mereka seawal awalnya pada tahun de pan.

Katanya, tiap-tiap bahagian diber kebebasan memilil pemimpin UMNO pe ringkat pusat dan neger untuk merasmikan me syuarat tersebut.

Beliau juga meng ingatkan mereka supay bersiap sedia meng gerakkan jenter menghadapi piliha